

# Khazanah disyor lepaskan syarikat rugi

BH-9/3/2019

➔ Keputusan perlu untuk pulihkan masalah dihadapi: PM



**Faridul Anwar Farinordin**

bhnews@bh.com.my

Manila

**K**hazanah Nasional Berhad (Khazanah) mungkin perlu menggugurkan syarikat miliknya yang tidak berprestasi baik dalam usaha memulihkan syarikat pelaburan strategik kerajaan itu daripada menanggung kerugian lebih besar.

Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad, berkata walaupun belum ada perbincangan mengenainya, keputusan perniagaan seperti itu adalah perlu bagi memulihkan masalah yang dihadapi Khazanah.

"Khazanah perlu buat penjelasan kepada wakil-wakil rakyat dan juga kepada seluruh negara. Sudah tentu kehilangan ini disebabkan oleh perniagaan terutamanya ber-

kenaan dengan prestasi MAS (Malaysia Airlines Bhd) yang tidak memuaskan.

## Perancangan atasi masalah

"Ini bukanlah sesuatu yang mudah untuk dipulihkan. Namun, saya yakin mereka (Khazanah) mempunyai perancangan untuk mengatasi masalah yang dihadapi oleh syarikatnya yang berprestasi rendah. Mungkin juga akan digugurkan beberapa syarikat," katanya kepada wartawan Malaysia pada hari terakhir lawatan tiga harinya ke Filipina, di sini, semalam.

Ditanya sama ada syarikat berprestasi rendah sudah dikenal pasti untuk digugurkan, Dr Mahathir berkata, belum ada perbincangan mengenai perkara itu, tetapi ia adalah satu daripada cara untuk memulihkan Khazanah.

Khazanah pada Selasa lalu mengumumkan, separuh daripada jumlah kos kerugian keseluruhan RM7.3 bilion pada 2018 adalah disebabkan oleh dana RM6 bilion



**Dr Mahathir bersalaman dengan Murad** ketika mengadakan pertemuan di Manila, semalam.



Khazanah perlu buat penjelasan kepada wakil rakyat dan juga kepada seluruh negara. Sudah tentu kehilangan ini disebabkan oleh perniagaan terutama berkenaan dengan prestasi MAS (Malaysia Airlines Bhd) yang tidak memuaskan"

**Dr Mahathir Mohamad,**  
Perdana Menteri

yang disuntik ke dalam MAS, yang dialih alih oleh Khazanah pada 2014.

Mengenai keputusan Malaysia untuk menjadi anggota Mahkamah Jenayah Antarabangsa, Dr Mahathir berkata, ia perlu kerana sifat jenayah sekarang adalah merentas sempadan dan bukan lagi terhad di dalam sesebuah negara.

Sebagai contoh katanya, jenayah pengubahan wang haram apabila berlaku di sesebuah negara, ia akan turut menjejaskan negara lain dan ini perlu ditangani secara bersama dengan negara lain.

Berhubung pertembungan kuasa yang membabitkan pertikaian Kepulauan Spratly membabitkan Malaysia, Brunei, Filipina, Vietnam, Taiwan dan China, Dr Mahathir berkata, pertemuannya dengan Presiden Filipina, Rodrigo Duterte, telah memberi tumpuan kepada keperluan negara anggota ASEAN untuk mempunyai pendirian bersama terhadap perkara itu.

"Sudah tentu anggota ASEAN mesti menumpukan perhatian kepada isu ini supaya dasar kami tidak akan menimbulkan sebarang masalah dan konfrontasi dengan China," katanya.

Mengenai pertemuan dengan Pengerusi Pihak Berkuasa Pembangunan Mindanao (MINDA), Datu Abul Khayr Dangcal Alonto dan Ketua Menteri Sementara Wilayah Autonomi Bangsamoro di Mindanao Muslim (BARMM) Murad Ebrahim semalam, Dr Mahathir berkata ia berkisar kepada peluang meningkatkan pelaburan di wilayah berkenaan.

"Mereka berharap mendapat input mengenai cara meningkatkan pelaburan di rantau itu dan memberi peluang pekerjaan lebih baik kepada rakyat mereka," katanya.

➔ **Khazanah kena rangka strategi berkesan kembali kegemilangan - MUKA SEPULUH**